

21 JUL 2000

MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat MT UMNO

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Setiausaha Kerja Umno Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, mesyuarat itu adalah mesyuarat biasa MT dan tidak ada sebarang agenda khas.

Bagaimanapun ia antara lain dijangka membincangkan isu kumpulan Al-Ma'unah dan perkara-perkara berkaitan, termasuk dakwaan pembangkang bahawa kejadian rompakan senjata tentera di Gerik dan kejadian tahanan tebusan oleh kumpulan Al-Ma'unah di Bukit Jenalek, Sauk, sebagai sandiwara Umno.

Mesyuarat itu juga mungkin membincangkan cadangan-cadangan, supaya beberapa jawatan dalam MT, seperti naib presiden dan timbalan presiden parti dihapuskan dalam usaha untuk mengukuhkan parti.

-- BERNAMA

AFY AHH RI